



PEMBANGUNAN PORTAL E-DAKWAH BERASASKAN MODEL ARCS

Oleh:

**EN. ZULKIFLI BIN TUKIMAN
PENOLONG PENGARAH KANAN,
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)**



Portal e-Dakwah Bersasaskan Model ARCS



Merujuk kepada hasil pembangunan laman web atau produk teknologi yang mengintegrasikan beberapa elemen multimedia seperti audio, teks, grafik, video bagi penyampaian dakwah dalam konteks negeri Johor dengan pendekatan model ARCS bagi mengekalkan motivasi dan minat pengguna terhadap portal yang dibangunkan.

Attention/Perhatian

Relevance/Perkaitan

Confidence/ Keyakinan

Satisfaction/Kepuasan



Pengenalan

1

Allah berfirman dalam al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya : “*Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik;*”. **(Surah an-Nahl : 125)**

2

Menurut Zulkifli (2010), berkenaan ayat 125 daripada surah an-Nahli ini telah menjadi asas perbincangan yang berkait dengan cara, kaedah atau pendekatan terhadap mekanisma metodologi penyampaian dakwah. Ketiga-tiga metodologi yang disebutkan dalam ayat tersebut iaitu *hikmah* (kebijaksanaan), *mauizah hasanah* (nasihat yang baik) dan *al-mujadalah al-husna* (perbincangan dengan cara yang baik) merupakan teras utama metodologi penyampaian dakwah yang sesuai untuk diimplementasikan pada sebarang tempat dan sepanjang masa. dakwahkan dilakukan.

4

Laman web dilihat menjadi platform pilihan bagi penyebaran maklumat dakwah yang berkualiti, berkesan (Mohamad Salih, 2015) dan berautoriti (Ab. Hamid Ali *et.al.*, 2014) dan dilihat relevan lantaran sifatnya yang boleh dicapai secara pantas, global (Omar, 2014) dan disampaikan dalam bentuk digital atau elektronik pada sebarang masa (*anytime*) dan di mana jua (*anywhere*). Usaha-usaha dakwah sentiasa diperkembangkan dan dipertingkatkan melalui pelbagai cara dan kaedah sesuai dengan peredaran zaman dan masa (R. S. Mansor, 2011).



Mukti Ali (1971), pula menyatakan bahawa dakwah dengan hikmah merupakan usaha penyebaran dakwah yang dilaksanakan dengan menyelami semua persoalan dan keperluan secara mendalam segala yang berkaitan dengan proses dakwah. Proses dakwah itu merangkumi sasaran dakwah, langkah-langkah perlu diberi perhatian terhadap golongan yang menjadi objek dakwah, situasi, tempat dan masa dimana

Penyataan Masalah




1. Pemaparan maklumat dakwah melaluilaman web menimbulkan masalah lantaran penyelarasan dantahap mutu yang masih rendah.



2. Wujud jurang nisbah kuantiti yang amat ketara di antara laman web dan blog agama selain Islam berbanding lamanweb dakwah Islamiah



3. Keupayaan dan kemampuan untuk membangunkan lamanweb atau portal bercirikan dakwah yang berkualiti dari aspek kandungan dan paparan.



4. Tiada wujud pemaparan maklumat dakwah dalam jaringan atas talian secara bersepadu (one stop center) dalam kalangan agensi agama negeri.

Objektif Kajian



01

Membangunkan sebuah portal e-Dakwah berasaskan Perhatian (Attention), Perkaitan (Relevance), Keyakinan (Confidence), Kepuasan (Satisfaction) melalui Model ARCS.

02


Menganalisis tahap keperluan portal e-Dakwah melalui elemen kebolehgunaan, kebolehbelaajaran, kredibiliti maklumat dan maklumat dakwah.

03

Menganalisis portal e-Dakwah berasaskan Model Perhatian (Attention), Perkaitan (Relevance), Keyakinan (Confidence), Kepuasan (Satisfaction).



Kerangka Konsep



Rajah 1-2: Kerangka Konsepsi Kajian

Kaedah Kajian

1

Reka bentuk Kajian
Kuantitatif - soalselidik
Skala Likert 1-5

2

Saiz Sampel
Soalselidik 1:
400 responden dalam kalangan
belia Islam negeri Johor
Soalselidik 2:
58 responden & 6 penilaian pakar

3

Teknik Persampelan
Jadual Penentuan Saiz Sampel
Krejcie, R. V., & Morgan, D. W.
(1970).

One Group Time Series, Ary et.al., (1966)

4

Kaedah Pengumpulan Data
IBM SPSS Statistic 21



Dapatan Kajian



Analisis Dapatan Kajian

Objektif 1 :Membangunkan Portal E-Dakwah Berasaskan Model ARCS

Hypertext Markup Language atau singkatannya HTML digunakan sebagai perisian utama semasa pembangunan. HTML bertindak sebagai tulang belakang bagi menyediakan isi kandungan, sistem navigasi dan struktur reka bentuk yang diperlukan. HTML dipilih kerana menawarkan pelbagai format fail yang digunakan untuk digunakan di dalam CD-ROM atau web (Ahmad, 2005). Selain itu, perisian ini juga boleh diintegrasikan dengan pengaturcaraan yang mampu menyimpan atur cara pangkalan data yang tidak terlalu besar bagi membolehkan paparan dibuat di dalam perisian tersebut. Di samping itu, setiap dokumen HTML mempunyai nama dan alamat yang unik di *world wide web* (www) (Norazlin *et. al.*, 2007).



Analisis Dapatan Kajian

Objektif 2 :Menganalisis Keperluan Pembangunan Portal E-Dakwah Dalam Kalangan Belia Islam Di Negeri Johor

Konstruk	N	Min	Sisihan Piawai	Skala
Kebolehgunaan	400	4.55	0.64	Positif
Kebolehbelaajaran	400	4.47	0.66	Positif
Kredibiliti Maklumat	400	4.39	0.73	Positif
Maklumat Dakwah	400	4.50	0.64	Positif



Objektif 2 :

Menganalisis Keperluan Pembangunan Portal e-Dakwah Dalam Kalangan Belia Islam Negeri Johor

Kebolegunaan:

Dapatan kajian ini menyokong kenyataan oleh Zakaria & Aliff, (2016; dan Tiung *et al.*, (2016) yang menegaskan bahawa portal dilihat sebagai anjakan paradigma dalam proses penyebaran dakwah memandangkan masyarakat pada masa ini lebih terdedah dengan penggunaan teknologi khususnya internet sebagai pemangkin penyebaran maklumat yang bersifat semasa.

Kebolehbelajaran:

Dapatan kajian ini dilihat selari dengan Hafiza *et.al.*, (2017) yang menyatakan bahawa oleh kerana objektif utama dakwah adalah untuk menyampaikan, menarik dan mempengaruhi manusia untuk menerima dan mempraktikkan ajaran Islam, maka dengan adanya teknologi pelaksanaan dakwah adalah lebih mudah, terurus dan bersistem. Penggunaan teknologi dalam dakwah dapat memberi kesan yang positif kepada manusia melalui elemen *ubiquitous learning*, pembelajaran sepanjang hayat dan *self-paced learning*.

Kredibiliti Maklumat:

Mohd Sobhi *et. al.*, (2011) yang menyatakan bahawa aspek kredibiliti dilihat sebagai asas penting terhadap pemerolehan maklumat di alam maya. Selain itu, menurut H. Amin (2007) yang menyatakan bahawa kredibiliti merupakan pusat dari sesuatu sistem yang mana sekiranya maklumat tersebut tidak mempunyai kualiti, masyarakat tidak melihat sumber itu sebagai suatu sumber yang boleh dipercayai. Kredibiliti maklumat juga menjadi elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi khalayak untuk menggunakan sesuatu teknologi yang menyalurkan maklumat

Maklumat Dakwah:

(Ab. Hamid *et. al.*, (2014) dan Gauzente (2010) mendapati terdapat kaitan positif di antara kehendak pengguna melalui penggunaan sesuatu teknologi bagi mendapatkan maklumat.



Analisis Dapatan Kajian

Objektif 3 :Menganalisis Portal E-Dakwah Berasaskan Model ARCS

Konstruk	Min	Skala
Elemen Perhatian (Attention)	3.96	Positif
Elemen Perkaitan (Relevance)	3.93	Positif
Elemen Keyakinan (Confidence)	3.93	Positif
Elemen Kepuasan (Satisfaction)	4.15	Positif

Konstruk	Min	Skala
Elemen Perhatian (Attention)	4.43	Positif
Elemen Perkaitan (Relevance)	4.43	Positif
Elemen Keyakinan (Confidence)	4.46	Positif
Elemen Kepuasan (Satisfaction)	4.4	Positif



Analisis Dapatan Kajian



سلامت دائع

Laman Rasmi
PORTAL e-DAKWAH
Negeri Johor Darul Ta'zim

A

01

mendapati purata min bagi elemen perhatian mempunyai hubungan yang tinggi. Merangsang sikap ingin tahu terhadap Portal e-Dakwah.

R

02

membuktikan responden telah mengaitkan pengalaman kehidupan mereka dengan isi kandungan maklumat dakwah

C

03

Responden menyatakan keyakinan untuk meneruskan penerokaan kerana maklumat telah disusun dengan mudah, menggunakan contoh-contoh yang jelas,

S

04

elemen kepuasan yang diterapkan melalui Portal e-Dakwah berkeputusan positif dalam menimbulkan perasaan positif pengguna tentang pengalaman pembelajaran yang diperolehi.



Kepentingan Kajian



- Kajian ini telah menyediakan satu kerangka yang boleh digunapakai untuk membangunkan lagi usaha penyebaran dakwah.



- Model yang digunakan dilihat dapat memanfaatkan lain-lain penyebaran maklumat dakwah bagi mewujudkan persekitaran penyampaian dakwah yang berkesan dan menarik



- Kajian ini juga menyediakan alternatif kepada pihak-pihak yang berkaitan khususnya institusi-institusi agama bagi tujuan penyampaian maklumat dakwah

Implikasi Kajian

- Menjalinkan hubungan kerjasama dalam kalangan institusi agama di negeri Johor terutamanya MAINJ, JAINJ, JMNJ, JKSNJ dan NGO Islam yang bergerak aktif. Ianya diharap dapat memperkukuhkan keberkesanan program yang dianjurkan
- Mengemaskini dan menyelaraskan bahan-bahan maklumat dakwah dalam satu pangkalan data (*one stop center*).
- Hasil kajian yang membantu menyelaraskan maklumat, bidang tugas dan peranan institusi agama di negeri Johor atas talian bagi mempermudah dan mempercepatkan maklumat dakwah sampai kepada orang awam.



Kesimpulan

- Model ARCS dijadikan panduan untuk merangsang dan meningkatkan motivasi pengguna ketika melayari portal e-Dakwah. Dalam kajian ini, unsur motivasi ARCS diterapkan dalam penggunaan teknologi bagi penyampaian dakwah melalui portal e-Dakwah.
- Lantaran pengguna media sosial zaman sekarang yang merupakan generasi yang sudah terbiasa dengan penggunaan peralatan ICT yang canggih seperti komputer, telefon pintar, internet, dan lain-lain. Oleh yang demikian, kajian ini akan memanfaatkan pengetahuan sedia ada pengguna mengenai penggunaan teknologi dan menggunakannya dalam penyebaran dakwah.
- Model ARCS menyediakan kerangka yang kuat untuk mereka bentuk dan mengekalkan motivasi terhadap bahan dakwah yang dipaparkan melalui pembangunan portal e-Dakwah sebagai salah satu strategi penyampaian dakwah. Ia diharap mampu memperkukuhkan keberkesanan program-program dan maklumat-maklumat dakwah yang akan disampaikan.



Sekian, terima kasih

DISEDIAKAN OLEH:

EN. ZULKIFLI BIN TUKIMAN

“Every journey begins with a single step”

